

NAMA :

KELAS :

KLEPTOMANIA

Kleptomania adalah keadaan yang dikategorikan sebagai gangguan atau bertindak tanpa berfikir panjang, iaitu penghidapnya tidak dapat menahan keinginan dirinya untuk mencuri barang. Sebahagian besar penghidap kleptomania ini adalah dari golongan wanita. Biasanya gangguan ini akan mula terbentuk sewaktu remaja, namun ianya juga boleh mula terbentuk ketika dewasa. Penghidap kleptomania sering melakukan aktiviti mencuri di bawah sedar ini di tempat awam seperti pasar raya, kedai runcit, bahkan ada juga yang melakukannya di rumah-rumah teman, saudara mara dan orang yang terdekat. Kita perlu tahu bahawa kleptomania ini adalah berbeza dengan mencuri dengan sengaja. Mencuri dengan niat adalah mencuri yang sudah dirancang awal dan bermotifkan untuk mendapat keuntungan daripada hasil yang dicuri daripada mangsa. Bagi penghidap kleptomania pula, perbuatan mencuri mereka dilakukan tanpa sebarang niat (di bawah sedar) yang didorong oleh psikologi secara spontan. Barang curian yang dicuri oleh penghidap kleptomania ini biasanya benda yang remeh dan tidak bernilai tinggi. Walhal sebenarnya mereka sendiri dapat membeli barang-barang yang dicurinya tersebut. Tambahan pula, barang yang dicuri itu tidak bertujuan untuk digunakan dan hanya dijadikan sebagai koleksi ataupun untuk diberikan kepada orang yang terdekat dengan penghidap kleptomania. Dalam beberapa kes, penghidap kleptomania juga dapat mengembalikan barangan yang dicuri ke tempat asalnya. Ketika melakukannya, pelbagai perasaan yang dialami oleh penghidap kleptomania. Sesetengah daripada mereka berasa tegang, dan selebihnya pula hanya melakukannya dengan selamba tanpa tekanan. Kemudian perasaan tersebut bertukar menjadi keseronokan yang juga berupa kepuasan

apabila mereka sudah mendapatkan barangan yang diinginkannya. Namun setelah itu, akan timbul pula perasaan malu dalam diri mereka dan rasa bersalah. Ada juga yang berasa takut dan menyesal akan perbuatan yang sudah dilakukannya. Walau bagaimanapun, dorongan untuk melakukan perbuatan mencuri di bawah sedar itu akan muncul lagi pada waktu yang lain.

Aktiviti Bertulis

1: Sila jawab soalan-soalan di bawah ini dengan menggunakan ayat yang lengkap. 1.
Terangkan maksud 'kleptomania'? (3 markah)

2. Apakah perbezaan mencuri secara sengaja dengan mencuri oleh penghidap kleptomania? (3 markah)

3. Kenapa kita perlu memahami penghidap kleptomania ini dengan teliti? (3 markah)

4. Bagaimana kita selaku masyarakat menerima individu yang mempunyai masalah kleptomania ini dalam kehidupan kita? (andai kalau dia kawan terdekat, adik beradik atau saudara mara) (3 markah)

5. Apakah cabaran yang dihadapi oleh penghidap kleptomania untuk mengatasi keinginan mencuri dalam diri mereka? (3 markah)

Aktiviti Bertulis O2 :

Berikan makna bagi perkataan dan rangkai kata di bawah ini; (5 markah)

1. PENGHIDAP	
2. KOLEKSI	
3. TEGANG	
4. DI BAWAH SEDAR	
5. DORONGAN	